




Oyster Perpetual 34

Oyster, 34 mm, emas Everose dan
berlian

**Oyster Perpetual 34
dalam emas Everose 18
karat dengan
permukaan mutiara
tempurung putih,
bertatahkan berlian dan
rantai Oyster.**



PERMUKAAN IBU MUTIARA

Menyerlahkan kecantikan semula jadi

Permukaan ini mempunyai penanda jam dalam emas 18 karat pada pukul 3, 6 dan 9, bertatahkan 12 berlian. Ibu mutiara penuh dengan sifat misteri dan kejutan. Bergantung pada tempat asal, mutiara boleh menjadi merah jambu, putih, hitam atau kuning. Terdapat perbezaan dari segi warna, keamatan dan struktur mengikut bahagian cangkerang yang diekstrak.

Di Rolex, ibu mutiara tidak mempunyai warna tiruan. Sebaliknya, pengetahuan dan kemahiran yang tertentu akan digembleng untuk menonjolkan keindahan semula jadi dan memelihara warna asalnya. Oleh sebab semua permukaan ibu mutiara adalah unik, permukaan yang serupa tidak akan ditemui pada pergelangan tangan orang lain.



BEZEL BERTATAHKAN BERLIAN

Satu simfoni kilauan

Penatah permata secara halus mengukir logam berharga dengan tangan agar setiap batu permata terbenam dengan sempurna. Dengan seni dan kraf seorang pembuat barang kemas, batu itu diletakkan dengan cermat sejajar dengan batu yang lain, kemudian diletakkan semula berhati-hati dalam tatakan emas atau platinum.

Selain kualiti batu-batu itu sendiri, beberapa kriteria lain juga turut menyumbang kepada keindahan penetapan permata Rolex: penjajaran ketinggian permata yang tepat, orientasi dan

kedudukan, ketetapan, kekuatan dan pembahagian penetapan serta kemasan yang rumit pada kerja logam. Satu simfoni kilauan untuk meningkatkan jam tangan dan pesona si pemakai.



EMAS EVEROSE 18 KARAT

Paten eksklusif

Untuk memelihara keanggunan jam tangan emas merah jambu, Rolex telah mencipta dan mempatenkan aloi emas merah jambu 18 karat yang dihasilkan di foundri sendiri: Emas Everose.

Diperkenalkan pada tahun 2005, emas Everose 18 karat digunakan di semua model Rolex Oyster dalam emas merah jambu.



RANTAI OYSTER

Keajaiban bentuk dan fungsi

Rantai Oyster ialah gabungan sempurna dari segi bentuk dan fungsi, estetika dan teknologi.

Kali pertama diperkenalkan pada hujung tahun 1930-an, rantai logam yang sangat teguh dan selesa dengan pautan tiga keping yang rata dan lebar ini kekal menjadi rantai yang paling universal dalam koleksi Oyster. Untuk model Oyster Perpetual, rantai Oyster dilengkapi dengan Oysterclasp.

Lagi butiran teknikal

Oyster Perpetual

Rujukan 124245RBR

Penutup Model

Jenis

Oyster, 34 mm, emas Everose dan berlian

Diameter

34 mm

Bahan

Emas Everose

Bezel

Bertatahkan berlian

Seni Bina Oyster

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam pusingan

Putaran Jam

Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

Kristal

Nilam tahan calar

Kekalisan Air

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis

Perpetual, mekanikal, automatik

Kaliber

2232, Buatan Rolex

Ketepatan

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Pengayun

Pegas rambut Syloxi dalam silikon dengan geometri terpaten.
Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran

Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

Rizab kuasa

Lebih kurang 55 jam

Fungsi

Jarum jam tengah, minit dan saat.
Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

Rantai

Jenis

Oyster, pautan tiga keping padu

Bahan Rantai

Emas Everose 18 karat

Pengancing

Oysterclasp lipat dengan pautan sambungan keselesaan 5 mm
Easylink

Permukaan

Jenis

Mutiara tempurung putih bertatahkan berlian

Butiran

Paparan Chromalight yang sangat mudah dibaca dengan pendarkilau biru tahan lama

Tatahan permata

Penanda jam dalam emas 18 karat pada pukul 3, 6 dan 9, bertatahkan 12 berlian

Pensijilan

Jenis

Superlative Chronometer (pensijilan rasmi kronometer + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

Semua hak milik intelek seperti tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagang, reka bentuk dan hak cipta terpelihara.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam laman web ini boleh diterbitkan tanpa kebenaran bertulis. Rolex berhak mengubah suai model yang dipaparkan pada laman web semasa pada setiap masa.

